

Utusan Malaysia - Tiada Ketetapan Khusus Cukai Pengiklanan Digital - LHDN

Khamis, Mac 15 2018

Tiada ketetapan khusus cukai pengiklanan digital – LHDN

PUTRAJAYA 14 Mac - Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) tidak mengeluarkan sebarang ketetapan khusus berhubung bayaran cukai ke atas pengiklanan digital.

LHDN dalam satu kenyataan memaklumkan, sebagaimana isu percukaian lain, isu bayaran pengiklanan digital akan ditentukan berdasarkan fakta sesuatu kes dan Akta Cukai Pendapatan 1967.

“Pada masa sama, setiap kes dinilai berdasarkan fakta kes tersendiri dalam menentukan sama ada sesuatu transaksi itu merupakan bayaran royalti ataupun bayaran perkhidmatan selain

VM 15/3
tertakluk pada cukai pegangan atau lain-lain kategori pendapatan.

“Penilaian kes meliputi kajian ke atas terma perjanjian, bentuk transaksi sebenar yang dijalankan dan elemen lain yang tidak diperoleh secara semakan umum,” jelas kenyataan itu di sini hari ini.

Sementara itu, menurut LHDN, pembayar cukai yang mempunyai pertanyaan khusus berhubung isu pengiklanan digital dinasihatkan merujuk terus kepada Jabatan Dasar Percukaian.

Satu panduan rasmi akan dimuat naik di portal rasmi LHDN dalam masa terdekat sebagai rujukan.